

**BERITA ONLINE
UTUSAN MALAYSIA
TARIKH: 03 NOVEMBER 2021
(RABU)**



Kepercayaan, keyakinan paksi kejayaan PICK - Khairy

Oleh Rafidah Mat Ruzki - November 3, 2021 @ 5:00pm
fidahruzki@bh.com.my



Menyaksikan lebih 25 juta penduduk di Malaysia sudah divaksinasi sejak ia dimulakan akhir Februari lalu, berpaksikan kepada kepercayaan dan keyakinan pelbagai pihak terhadap pelaksanaan pelan pelalian besar-besaran pertama negara itu.

PUTRAJAYA: Kejayaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang menyaksikan lebih 25 juta penduduk di Malaysia sudah divaksinasi sejak ia dimulakan akhir Februari lalu, berpaksikan kepada kepercayaan dan keyakinan pelbagai pihak terhadap pelaksanaan pelan pelalian besar-besaran pertama negara itu.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata tanpa kepercayaan antara satu sama lain, PICK tidak akan mencapai kejayaan, terutama dalam aspek sumbangan tenaga kerja yang terbabit secara langsung dengan pelaksanaannya.

Beliau berkata, PICK dimulakan ketika kebanyakan kerajaan di dunia termasuk Malaysia, berdepan dengan defisit keyakinan.

"Tanpa keyakinan, kita tidak akan berjaya dalam program ini. Kita laksanakannya ketika kerajaan, bukan saja di Malaysia, tetapi di seluruh dunia berdepan dengan defisit keyakinan.

"Seluruh dunia tidak percaya kepada kerajaan mereka, pengurusan pandemik, defisit keyakinan. Jadi, saya kata pada diri saya sendiri, kita perlu membina keyakinan dengan akauntabiliti peribadi (personal accountability).

"Seperti waktu laman sesawang AstraZeneca berdepan masalah, saya meminta maaf. Saya mengambil tanggungjawab dan mengatakan ada kesilapan dan saya fikir, dengan mengambil tanggungjawab dan akauntabiliti peribadi, walaupun orang tidak percaya, sekurang-kurangnya anda tidak lari daripada masalah," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Majlis Perkongsian Strategik Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang turut disertai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, di sini, hari ini.

Katanya, masyarakat melihat sekurang-kurangnya ada pihak yang mengaku apabila melakukan kesalahan dan faktor itu sangat penting dalam pelaksanaan PIICK.

"(Masyarakat melihat) sekurang-kurangnya mereka (kerajaan) mengakui ada masalah. Ini yang sangat penting kerana tanpa keyakinan, program ini tidak akan berjaya," katanya.

Khairy yang sebelum ini menyandang jawatan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata satu lagi cara lain untuk mendapat keyakinan penduduk negara ini untuk mendapatkan vaksin COVID-19 ialah dengan pelalian dalam kalangan pemimpin negara dan di Kementerian Kesihatan (KKM).

Ia, katanya, menyaksikan Perdana Menteri ketika itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah sebagai antara penerima pertama.

Beliau berkata, bagi memberi keyakinan kepada pengarah Jabatan Kesihatan negeri untuk memulakan vaksinasi di negeri masing-masing, pihaknya meminta bahagian farmasi membentangkan berapa banyak bilangan dos yang dihantar ke setiap negeri untuk PIICK.

"Ia kerana pengarah kesihatan negeri bimbang bilangan dos vaksin yang boleh sampai ke negeri masing-masing tidak mencukupi untuk program berkenaan dilaksanakan. Untuk membina keyakinan mereka, saya dapatkan bahagian farmasi untuk membentangkan setiap minggu berapa banyak kita hendak hantar ke setiap negeri.

"Pada awalnya, pengurusan di negeri bimbang vaksin tidak sampai. Ketika itu kita mempunyai dasar satu dos satu simpanan, iaitu hanya menggunakan 50 peratus daripada keseluruhan dos dan satu lagi disimpan," katanya.

Selain itu, Khairy berkata, beliau percaya keputusan untuk berkongsi semua data berkenaan pandemik COVID-19 dan vaksinasi termasuk jumlah kematian, antara faktor yang memberi keyakinan untuk penduduk di negara ini mengambil dos penggalak.

"Ini adalah visual yang kuat untuk memaklumkan kepada orang ramai satu mesej mudah bahawa vaksin itu berkesan. Ia melakukan apa yang perlu dilakukannya," katanya namun turut mengakui ada kelemahan pihaknya sepanjang pelaksanaan PIICK selain cabaran yang dihadapi.

Antara kesilapan besar, akuinya, membabitkan laman sesawang untuk pendaftaran mendapatkan vaksin AztraZeneca yang dua kali bermasalah akibat kesesakan pengguna yang mahu mendaftar.

"Mungkin kesilapan terbesar yang saya lakukan ketika membuat keputusan untuk mengumumkan pendaftaran mendapatkan vaksin dibuka kepada semua pada 24

Februari. Menjelang Februari, banyak negara sudah mula memberikan vaksin termasuk United Kingdom, Amerika Syarikat, Singapura.

"Tekanan politik sangat kuat kerana ramai pihak yang bertanya bila kita nak mulakan proses pelalian. Saya fikir baiklah, saya tanya kepada pasukan, sama ada pendaftaran itu sudah sedia dan mereka maklumkan menjelang 24 Februari.

"Saya cakap baiklah, kita buka untuk semua kerana sekurang-kurangnya mereka kata 'saya sudah mendaftar'. Ia terbukti satu kesilapan kerana apabila mereka mendaftar pada Februari dan hanya mendapat janji temu pada Ogos, mereka akan sentiasa berkata 'saya sudah mendaftar pada Februari, mana tarikh janji temu saya?'" katanya.

Khairy berkata, apa yang sepatutnya dilakukan ketika itu ialah membuka proses pendaftaran mengikut fasa seperti yang dilakukan di negara lain.